



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan ini mengalu-alukan penyertaan semua institusi pengajian tinggi, syarikat/ pusat penyelidikan yang berkeelayakan untuk mengemukakan **Permohonan Kertas Konsep (Request for Proposal)** seperti di bawah:

GERAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

MOHON SEKARANG!

Tempoh Penyelidikan:
1-12 Bulan

Siling Pembiayaan:
RM100,000

Tarikh Tutup Permohonan :
15 Mac 2026



IMBAS KOD QR

INFO LANJUT :



Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
rndfund@ssm.com.my



Layari laman web:
www.ssm.com.my





GERAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

01 Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong penyelidikan berimpak tinggi yang selaras dengan fungsi dan bidang kuasa SSM. Skop penyelidikan dan pembangunan terbahagi kepada **dua (2) fokus** iaitu **am** dan **keutamaan**.

02 Penyelidik boleh memohon untuk mengemukakan kertas konsep berdasarkan kedua-dua fokus tersebut.

Fokus Am :

- Tadbir urus korporat syarikat, perniagaan dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).
- Kepatuhan undang-undang dan amalan terbaik.
- Amalan perakaunan, audit dan pelaporan kewangan.
- Amalan intermediari korporat, pengauditan dan pembubaran entiti korporat.
- Transformasi digital syarikat, perniagaan dan PLT.
- Keusahawanan, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta ekonomi gig.
- Kajian dasar bagi memperkukuhkan perundangan berkaitan bidang kuasa SSM.
- Penambahbaikan produk, perkhidmatan dan penyampaian perkhidmatan SSM.

Fokus Keutamaan :

HASIL PENYELIDIKAN

1 Pembangunan Penyelesaian Rintis bagi penguatkuasaan atau pematuhan Akta Syarikat/ Akta Perkongsian Liabiliti Terhad/ Akta Pendaftaran Perniagaan menggunakan Kecerdasan Buatan (AI).


- Membangunkan kajian mengenai kemahiran membuat keputusan berasaskan trend bagi mengenal pasti syarikat yang berisiko gagal mematuhi Akta di bawah kawal selia SSM.
- Membangunkan prototaip AI yang mampu memberikan amaran awal sama ada kepada pegawai
- penguat kuasa ataupun kepada pihak yang berpotensi melakukan ketidakpatuhan sebelum ia berlaku.

2 Pembangunan Penyelesaian Rintis bagi Intermediari Korporat dan juruaudit menggunakan Kecerdasan Buatan (AI).

- Prototaip Penyelesaian AI (*Minimum Viable Product – MVP*) ini menggabungkan fungsi Intermediari Korporat dan juruaudit serta merangkumi modul
- asas seperti analisis pematuhan, semakan dokumen, pemberitahuan tarikh penting dan cadangan tindakan korporat di samping menyediakan demo berfungsi untuk diuji bersama pengguna terpilih (*pilot users*).
- Laporan penilaian rintis dan cadangan pelaksanaan penuh ini merangkumi dapatan ujian rintis, prestasi model AI, keberkesanan
- ciri, risiko, isu perundangan atau pematuhan serta maklum balas pengguna dan turut menyediakan cadangan penambahbaikan bagi pembangunan fasa seterusnya atau pelaksanaan skala penuh.

Fokus Keutamaan :

3 Pembangunan Penyelesaian Rintis bagi Pengarah Syarikat Maya menggunakan Kecerdasan Buatan (AI).




Prototaip Pengarah Syarikat Maya berasaskan AI ini membangunkan model yang meniru pola pemikiran, tabiat membuat keputusan dan tingkah laku lazim pengarah syarikat sebenar dalam pelbagai senario tadbir urus serta mempunyai keupayaan menjalankan simulasi keputusan (*decision-simulation*) bagi menilai potensi risiko, impak pematuhan dan tingkah laku pengurusan dalam situasi dunia sebenar.

Platform “Sounding Box” AI atau prototaip ini membangunkan modul yang membolehkan pendaftar syarikat menguji dasar, keputusan pengawalseliaan atau perubahan polisi terhadap

- Pengarah Syarikat Maya bagi melihat respons, risiko dan hasil yang berpotensi serta menyediakan laporan analitik berstruktur yang memaparkan penilaian simulasi, ramalan impak dan cadangan penambahbaikan sebelum keputusan sebenar dibuat.

4 Mengkaji hubungan (*correlation*) antara tahap pematuhan undang-undang dan amalan tadbir urus korporat dengan prestasi, pencapaian serta kejayaan sesebuah syarikat.



Mengenal pasti hubungan antara tahap pematuhan undang-undang dan amalan tadbir urus

- korporat dengan prestasi kewangan, pencapaian operasi serta kejayaan jangka panjang sesebuah syarikat.

Penghasilan dapatan berasaskan bukti (*evidence-based findings*) yang boleh dijadikan rujukan untuk

- pembangunan dasar dan kawal selia bagi memperkukuh amalan tadbir urus korporat industri dan menggalakkan pematuhan sendiri sektor korporat.